

**TEKS UCAPAN**  
**DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**  
**PELANCARAN KEMPEN MYJALAN**

**24 OGOS 2023 | (KHAMIS)**  
**TASIK BANDING, PERAK**

**PENDAHULUAN**

Salam Sejahtera, Salam Segulai Sejalai dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu syukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi kesempatan untuk bersama-sama pada hari ini di **Majlis Pelancaran Kempen MyJalan anjuran Kementerian Kerja Raya.**
2. Pada kesempatan ini juga, saya dan seluruh warga Kementerian Kerja Raya (KKR) merakamkan setinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan juga Yang Amat Berhormat Dato Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak di atas kesudian hadir pada majlis hari ini, meskipun terikat dengan kesibukan tugas. Sesungguhnya ini, amat bermakna

kepada semua warga KKR dan mereka yang kita raikan di majlis ini pada hari ini.

3. Tidak lupa juga kepada pasukan urusetia yang terdiri daripada pasukan KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR) pusat dan Negeri Perak, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pejabat SUK Perak, Pejabat Perdana Menteri dan Bahagian Istiadat dan Urusetia Antarabangsa (BIUPA) yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan kejayaan penganjuran program ini pada hari ini. Jasa Setia Bakti semua akan saya kenang sehingga hujung nyawa.
4. Sesungguhnya, dedikasi serta semangat kerjasama inilah yang digarap, ditekankan dan diutamakan oleh YAB Perdana Menteri sejajar dengan teras Kerajaan Madani dalam memberikan perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat.

Tahniah dan terima kasih kepada semua

### **ASPIRASI KEMPEN MYJALAN**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Impak kewujudan jalan raya tidak dapat kita sangkal lagi sejak ia pertama kali dibina pada 1878 oleh JKR yang menghubungkan sebuah perkampungan di Damansara dengan kawasan lombong di Kuala Lumpur. Selain memudahkan mobiliti, jalan raya terus menjadi medium penting memperluas rangkaian ekonomi dan perhubungan.

6. Namun, satu yang sering kita terlepas pandang, adalah bagaimana jalan raya juga dibina bagi menjadi benteng pertahanan negara demi melindungi rakyatnya. Jalan raya kita adalah saksi bisu kepada rentetan kisah pahit manis tanah air ini yang dibangunkan dan dilindungi dengan sepenuh jiwa raga oleh pemimpin terdahulu.
7. Selain askar, polis dan pasukan keselamatan lain yang tentunya telah meletakkan nyawa mereka sebagai taruhan, pasukan Jabatan Kerja Raya kita juga tidak kurang hebatnya dalam melindungi negara dan tanah air dengan cara dan kepakaran mereka tersendiri - ***merekabentuk infrastruktur jalan raya yang terbaik dan selamat buat semua***. Harus diketahui, pada masa lalu, pembinaan jalan dilaksanakan sendiri oleh jurutera-jurutera JKR sendiri tanpa bantuan syarikat kontraktor dan sebagainya. Namun jasa bakti mereka ini kini hanya tertinggal di dalam helaian sejarah yang jarang sekali diselak.
8. Antara pembinaan jalan raya yang paling memberi kesan tentunya adalah pembinaan Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik-Jeli atau Jalan Persekutuan FT04, lokasi di mana kita semua berada pada hari ini. Pembinaan laluan ini yang juga merupakan 'Lebuhraya Pertahanan' dibina sebagai salah satu strategi melumpuhkan pergerakan pengganas komunis pada Era Pasca Kemerdekaan Tanah Melayu pada 1970.
9. Usaha ini tidak mudah, yang menyaksikan pasukan JKR diserang oleh komunis, mengorbankan tiga nyawa dan meninggalkan kecederaan kekal kepada pasukan JKR lain yang turut terlibat.

Kerja pembinaan diteruskan, walaupun kesan serangan masih terkesan kepada semua. Inilah jasa Setia Bakti pasukan JKR, perwira yang tidak dijulang.

10. Bagi mengenang jasa warga JKR, Program Setia Bakti diangkat oleh Kementerian bagi menghargai pengorbanan mereka dan diharapkan ini sedikit sebanyak akan membakar semangat warga kementerian dan JKR khususnya, untuk terus menabur bakti kepada rakyat dan negara. Program ini juga adalah usaha kementerian dalam menyemarakkan lagi semangat patriotisme menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang ke-66 pada tahun ini.
  
11. Penghargaan ini juga seharusnya diteruskan dengan komitmen yang tinggi diberikan oleh semua warga kementerian dalam memastikan infrastruktur jalan raya terus dijaga. Kita semua sedia maklum, jalan raya mempunyai tahap kematangannya dan memerlukan penjagaan yang baik dari segi penyenggaraan dan pemulihan dari semasa ke semasa, bagi menjamin keadaan jalan raya yang sentiasa selamat dan selesa digunakan oleh pengguna jalan raya. Berdasarkan data dari MIROS, faktor paling kritikal yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya ialah **kesalahan pemandu (80.6%), keadaan jalan dan persekitaran (13.2%), dan keadaan kenderaan (6.2%)**. Walaupun keadaan jalan hanya menyumbang peratusan yang rendah, perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan sering saya tekankan, '**jangan sesekali mengambil mudah isu berkaitan nyawa manusia**'.

12. Atas rasa tanggungjawab ini juga, KKR mengambil inisiatif untuk melaksanakan **Kempen MYJalan**, yang berteraskan kepada **akauntabiliti dalam kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan dan swasta bahawa jalan raya adalah tanggungjawab kita bersama.**
  
13. Di bawah kempen MYJalan ini, pelbagai program telah disusun dan KKR berhasrat agar program ini dapat diperluaskan melalui kerjasama merentas kementerian, agensi, negeri mahupun pihak berkuasa tempatan selain mengetengahkan usaha-usaha lain kementerian yang selari dengan objektif kempen My Jalan. Kempen ini juga selaras dengan aspirasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memberi penekanan dan menggalakkan semua negara untuk memikul tanggungjawab politik peringkat tertinggi, bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan melaksanakan semua strategi dan rancangan dengan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam semua sektor. MYJalan juga berorientasikan konsep '*Actions Speak Louder Than Words*'. Semua pasukan KKR termasuk agensinya harus bergerak proaktif, amanah dan penuh integriti bagi memastikan penyenggaraan jalan raya dan perabot jalan raya terus dijaga demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia Madani. Perkara inilah juga sering ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.
  
14. Sehubungan itu, KKR amat berterima kasih kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri kerana telah memberikan peruntukan tambahan melebihi 35 peratus **bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Raya Persekutuan seluruh Malaysia melalui bajet Malaysia MADANI tahun 2023.** Ini membuktikan

bahawa Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri mahu melihat dan memastikan infrastruktur jalan raya yang terbaik dan selamat untuk digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

15. Di kesempatan ini, besar harapan KKR agar peruntukan bagi Kementerian ini dapat ditingkatkan lagi pada pembentangan Bajet yang akan datang demi memastikan segala usaha mensejahterakan rakyat melalui peningkatan kualiti infrastruktur jalan raya dapat ditambah baik.

### **APLIKASI MY JALAN**

16. Selaras dengan pelaksanaan kempen MYJalan, pasukan dalaman Kementerian juga telah membina aplikasi aduan berbentuk 'one stop centre'. Berkonsepkan 'No Wrong Door Policy' aplikasi ini menerima semua jenis aduan berkaitan infrastruktur jalan raya, termasuk jalan yang bukan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya. Aduan-aduan ini akan disalurkan kepada pihak bertanggungjawab untuk diambil tindakan segera.
17. Aplikasi ini dan advokasi yang ingin dibawa oleh KKR diharap dapat membangkitkan kesedaran awam tentang jenis jalan raya, perbezaan jalan raya, tatacara kerja penyenggaraan dan menggalakkan rakyat melaporkan aduan kerosakan jalan serta perabot jalan melalui saluran aduan yang betul.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Besar harapan saya agar Kempen MYJalan ini akan disambut baik oleh semua pihak dan pengguna jalan raya. **Jalan Kita, Tanggungjawab Kita**. Salurkanlah aduan kepada saluran aduan yang tepat bagi membantu kami bertindak pantas pada setiap aduan yang diterima.
  
19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga ingin menekankan bahawa Kempen MyJalan ini bukan sahaja tertumpu kepada penyenggaraan jalan dan keadaan persekitarannya sahaja, tetapi termasuk mempromosi jalan – jalan, lebuh raya yang elok dan cantik pembinaannya, infrastruktur jalan yang memberi impak tinggi kepada ekonomi negara kepada rakyat jelata di Malaysia mahupun di persada antarabangsa.
  
20. Dalam hal ini, adalah menjadi hasrat saya untuk membawa kejayaan inisiatif infrastruktur jalan termasuk usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penekanan kepada keselamatan jalan raya ke pentas dunia. Antara saluran yang dikenal pasti adalah melalui forum World Road Congress (WRC) yang akan diadakan pada bulan Oktober di Prague. Platform ini merupakan medium penting bagi mempromosi aset negara bagi menarik pelabur dan meletakkan Malaysia dalam kedudukan cemerlang di forum antarabangsa.

21. Akhir kata, semoga hasrat dan semangat kita dalam mendukung komitmen dan amanah yang telah diberikan untuk menjaga dan menyanggara aset negara ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh amanah, integriti dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.